

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah guru-guru di negara ini sudah mengubah kaedah pengajaran ‘*Teacher Centered Learning*’ kepada ‘*Student Centered Learning*’ ke seluruh negara dan adakah teknologi pembelajaran menjadi domain untuk diperkenalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa kaedah pengajaran yang berpusatkan murid telah lama dilaksanakan oleh guru-guru di sekolah. Pelaksanaan kaedah tersebut diperkuatkan lagi dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2017, yang mana pembinaannya adalah bagi mengimbangi set ilmu pengetahuan dan kemahiran seperti pemikiran kreatif, inovasi, penyelesaian masalah, dan kepimpinan. Kurikulum ini memberi penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid dan pengajaran yang dibezakan yang telah dilaksanakan di sekolah.

Kurikulum tersebut turut memberi lebih penekanan kepada penyelesaian masalah, tugasan berasaskan projek, memperkemas mata pelajaran atau tema, dan melaksanakan pentaksiran formatif. Pelaksanaan Konsep Pembelajaran Pendidikan Abad Ke-21 (PAK-21)

turut menjadi pemangkin kepada pembelajaran yang berpusatkan murid. Tumpuan guru kepada *Student Centered Learning* dapat dipertingkatkan lagi dengan pemansuhan peperiksaan bagi murid Tahap 1 sekolah rendah bermula tahun 2019.

Bagi tujuan tersebut, KPM telah merancang latihan dalam perkhidmatan yang berterusan bagi memastikan pedagogi, kemahiran dan kompetensi guru berada pada tahap yang tinggi serta berkemampuan memberi pengajaran dan bimbingan kepada murid yang mempunyai perbezaan kebolehan dalam sesuatu bilik darjah.

Berkaitan dengan teknologi sebagai domain pembelajaran berpusatkan murid, usaha kerajaan telah dimulakan sejak tahun 1999 melalui konsep Sekolah Bestari yang dirancang berdasarkan fokus terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang kreatif, berkualiti dan berkesan. Teknologi dilihat sebagai pengupaya dan menjadi prinsip utama dalam memastikan kejayaan pembedaran sekolah dari segi pencapaian pelaksanaan berdasarkan Laporan Smart School Qualification Standards (SSQS) 2018, sebanyak 98 peratus sekolah telah mencapai tahap Bestari minimum 3 Bintang. Melalui inisiatif ini, institusi pembelajaran direka semula secara sistemik dari segi amalan PdP yang berpusatkan murid serta pengurusan dan pentadbiran sekolah (PdT) bagi menyediakan murid untuk menghadapi cabaran zaman teknologi maklumat.

Terkini, bagi meningkatkan pembelajaran berpusatkan murid dengan menggunakan teknologi sebagai pengupaya, KPM telah membina satu pelantar pendidikan digital di portal.moe-dl.edu.my yang membolehkan perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan berlaku secara *synchronous* (bersemuka) dan *asynchronous* (secara dalam talian melalui konsep pembelajaran di mana-mana pada bila-bila masa. Pelantar pembelajaran ini mengandungi pelbagai jenis kandungan pembelajaran termasuk buku teks digital yang membolehkan guru melaksanakan kaedah pembelajaran yang lebih menumpukan kepada murid untuk belajar secara kendiri serta menerapkan kemahiran yang sesuai dengan pembelajaran sepanjang hayat. Usaha ini disokong oleh inisiatif perkhidmatan internet yang dibekalkan oleh KPM di sekolah-sekolah. Sekian, terima kasih.